



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

TALKING POINT

YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA KELUARGA DAN MASYARAKAT

KEMBARA PRIHATIN NEGARA@KONGSI REZEKI

TUJUAN

1. **Pada hari ini saya turun padang :**

- (i) **Menyantuni mereka yang terjejas** semasa Perintah Kawalan Pergerakan dengan pengagihan barangan asas yang diperlukan oleh penduduk di **3 buah lokasi iaitu:**
 - a) **Flat Sungai Baru,** Jalan Sungai Baru, Kampung Baru, 50300 Kuala Lumpur.
 - b) **Perumahan Awam Sri Perlis 1,** Kampung Datuk Keramat, Kuala Lumpur.
 - c) **PPR Laksamana,** Jalan Peel, Pudu, 55100 Kuala Lumpur,
- (ii) **Menggerakkan Kembara Prihatin Negara@Kongsi Rezeki** sebagai pendampingan sosial terus kepada mereka yang memerlukan bantuan semasa Pandemik COVID-19.

KEMBARA PRIHATIN NEGARA@KONGSI REZEKI

2. KPN merupakan **inisiatif** Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang menyedari keperluan **untuk menyantuni rakyat yang terkesan** susulan daripada Pandemik COVID-19.

3. Kembara Prihatin Negara@Kongsi Rezeki ini akan berada di lokasi yang memerlukan hasil maklumat yang diperolehi melalui Pemimpin Masyarakat, Talian Kasih 15999, Bilik Gerakan JKM dan aduan melalui media sosial.
4. Ini adalah satu (1) lagi inisiatif baharu oleh Kementerian sebagai tindak balas pro aktif kepada isu dan situasi yang sedang dihadapi oleh masyarakat sekarang.
5. Program KPN@Kongsi Rezeki ini merupakan nilai tambah kepada Program Kembara Prihatin Negara yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 11 April 2021 yang lalu.
6. Program ini melibatkan kerjasama strategik dan Corporate Shared Value antara Jabatan Kebajikan Masyarakat, Yayasan Kebajikan Negara, Syarikat Korporat serta Pertubuhan Bukan Kerajaan.
7. Sejak dilancarkan pada 11 April 2021 yang lalu sebanyak 2324 program telah dilaksanakan melibatkan seramai 669,727 orang mendapat manfaat dan 4035 syarikat korporat dan NGO memberi sumbangan.
8. Pada masa yang sama, Kembara Prihatin Negara ini juga akan membawa perkhidmatan di bawah Kementerian dekat dengan komuniti. Selain daripada perkhidmatan berkaitan Kementerian, program ini juga melibatkan **Jabatan Penerangan dan Jabatan Tenaga Kerja.**
9. Saya juga mengalu-alukan sumbangan tunai untuk **Kembara Prihatin Negara@Kongsi rezeki yang boleh disalurkan** kepada Yayasan Kebajikan Negara – 1601 400 11000 1344 / Alliance Islamic Bank Berhad. Di samping itu, kepada pihak yang ingin menyumbangkan sumbangan berbentuk barangan/"in kind" turut digalakkan dengan menghubungi Yayasan Kebajikan Negara di talian 03-83232424 /019 2938236.

10. Usaha murni ini diharap dapat meringankan beban mereka yang sedang menghadapi saat sukar dan dapat meneruskan kelangsungan hidup.

PENUTUP

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) menyeru masyarakat awam untuk menghubungi **Talian Kasih 15999 dan Talian Whatsapp 019-26 15999 yang beroperasi 24 jam sekiranya memerlukan bantuan sokongan sosial semasa berhadapan dengan saat sukar sekarang.**

Pusat Khidmat Titiwangsa saya turut menyediakan bantuan sokongan sosial menerusi Khidmat **Tele-Kaunseling di Talian 011-27041753 / 011-28304577 / 011-28358660 yang beroperasi 24 jam yang bermula pada PKP 3.0 dan diteruskan dalam Fasa Pelan Pemulihan Negara.**

**#Kita Jaga Kita #Lindung DiriLindung Semua#
#TeguhKita Menang Bersama#**

4 Julai 2021

MAKLUMAT TAMBAHAN

A. Mekanisme Pergerakan Kembara Prihatin Negara@Kongsi Rezeki

1. **Kaedah Penjadualan** akan dilakukan oleh Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Bahagian/Jajahan untuk pergerakan Kembara Prihatin Negeri@Kongsi Rezeki berdasarkan kepada aduan yang diterima. Setiap aduan akan dipaparkan di laman rasmi media sosial serta dimaklumkan kepada Jabatan Penerangan.
2. **Kerjasama dengan pemimpin tempatan** dalam menentukan lokasi penghantaran barangan
3. **Bergerak ke rumah klien** yang memerlukan dengan **kadar serta merta** setelah mendapat aduan.
4. Setiap pengadu dan penyampaian akan di**highlight**kan di dalam media sosial.
5. **Jaringan kerjasama** antara Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Bahagian/Jajahan dan **NGO/NGI** akan dipertingkatkan sebagai **value added** kepada sumbangan Kerajaan.

B. Pemberian Bantuan JKM

1. Skim bantuan yang diwujudkan adalah sebagai mekanisma **dalam proses menolong klien ke arah pemulihan, pencegahan, pembangunan dan pengintegrasian sosial yang merupakan satu kaedah dalam kerja sosial.** Proses pemberian bantuan kebajikan juga mengambil kira potensi yang ada pada setiap penerima bantuan yang masih produktif ke arah hidup berdikari.
2. Terdapat **11 Skim Bantuan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat** yang terdiri daripada Bantuan Kanak-kanak, Bantuan Warga Emas, Elaun Pekerja Orang Kurang Upaya, Bantuan OKU Tidak Berupaya Berkerja, Bantuan Penjagaan OKU Terlantar /Pesakit Kronik Terlantar, Bantuan Am, Bantuan Latihan Perantis, Bantuan

Anak Pelihara, Geran Pelancaran, Tabung Bantuan Segera dan Bantuan Alat Sokongan/ Tiruan.

3. Sehingga **Mei 2021**, jumlah penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah seramai **517,769 orang dengan perbelanjaan sebanyak RM 1.1billion (Perbelanjaan Januari – Mei 2021).**

C. Senarai Barangan

BIL	SENARAI BARANGAN
1.	Pampers kanak-kanak Drypers saiz L / M
2.	Beras
3	Telur Ayam
4	Pek Kecil bawang merah
5	Rempah ratus
6	teh
7	Kicap
8	Sos Tomato
9	Sos Cili
10	Garam
11	Gula
12	Ikan Bilis
13	Tepung Gandum
14	Asam Jawa
15	Minyak masak
16	Tuala Wanita
17	Pelitup mulut dan hidung

D. Kawasan PKPD

BIL	NEGERI	JUMLAH KAWASAN PKPD
1	Sabah	62
2	Selangor	40
3	Kuala Lumpur	18
4	Sarawak	9
5	Johor	5
6	Labuan	5
7	Pulau Pinang	5
8	Perak	4
9	Kelantan	4
10	Pahang	4
11	Kedah	2
12	Melaka	2
13	Negeri Sembilan	2
14	Terengganu	1
	JUMLAH KESELURUHAN	163

